

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

1. Nyatakan berapa unit kamera yang sedia ada dalam sistem CCTV di bahagian pulau dan di Seberang Perai.
  - (a) Apakah perancangan kedua-dua Majlis Bandaraya untuk menaik taraf sistem CCTV supaya dapat mengatasi isu *vandalisme*, pembuangan sampah merata-rata dan mencegah jenayah?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Setakat kini, sebanyak 1,250 unit *closed-circuit television* (CCTV) telah dipasang di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini merangkumi 1,047 unit di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala 203 unit di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kesemua kamera CCTV tersebut sedang beroperasi dan dipantau melalui bilik kawalan CCTV milik MBPP dan MBSP serta pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
  - (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem CCTV supaya dapat mengatasi isu *vandalisme*, pembuangan sampah merata-rata dan mencegah jenayah seperti berikut:
    - (i) Menaik taraf video wall, server dan kamera CCTV yang dilengkapi dengan program analitik video lebih canggih untuk memantau kes jenayah, isu *vandalisme* dan pembuangan sampah haram ; dan

- (ii) Menambah bilangan CCTV jenis mudah alih bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan masalah *vandalisme*, pembuangan sampah secara haram dan pencegahan jenayah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

2. Nyatakan data berkenaan ekologi marin dalam projek Silicon Island.
- (a) Adakah projek ini mengganggu migrasi udang di laut negeri?
  - (b) Adakah hasil tangkapan nelayan terjejas akibat daripada projek ini?
  - (c) Apakah status terkini projek meletak tukun tiruan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kajian berkenaan ekologi marin di kawasan projek *Penang South Island* (PSI) atau *Silicon Island* (Pulau Silikon) dilakukan dengan kerjasama pihak Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF) bersama-sama pihak Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai salah satu gerak kerja dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengimbangan Ekologi PSI (PSI Ecology Offset Masterplan (PEOM)). Inisiatif PEOM meliputi perkara-perkara seperti berikut:
- (i) Penanaman pokok bakau;
  - (ii) Pelabuhan tukun tiruan dan unjam di sekitar Pulau Kendi;
  - (iii) Pelepasan benih ikan dan udang;
  - (iv) Pembinaan garis pantai mesra alam (peningkatan ekologi garis pantai);
  - (v) Kajian kesan bunyi dan kajian migrasi udang;

- (vi) Penyelidikan habitat marin;
  - (vii) Audit aktiviti dan pemantauan; dan
  - (viii) Aktiviti mengenal pasti kawasan menangkap ikan.
- (a) Spesies udang adalah merupakan antara sumber utama hasil pendaratan nelayan di kawasan Selatan Pulau Pinang. Jumlah pendaratan spesies udang yang tertinggi di Selatan Pulau Pinang sepanjang tahun 2023 adalah Udang Putih/Kertas Besar (1.221 tan metrik), diikuti dengan Udang Lipan (0.102 tan metrik), Udang Kaki Merah/Sua Lo (0.100 tan metrik) dan Udang Putih/Kertas Kecil (0.097 tan metrik).

Penurunan hasil pendaratan udang di kawasan Selatan Pulau Pinang berkemungkinan besar adalah disebabkan faktor tambahan untuk pembangunan projek *Silicon Island*. Justeru, pihak pemaju projek iaitu Syarikat Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SID) telah mencadangkan beberapa pelan bagi menangani perkara ini seperti penanaman pokok bakau; pelepasan induk udang putih, udang merah dan ikan siakap; serta pelabuhan tukun di Pulau Betong.

- (b) Projek tambakan *Silicon Island* telah bermula pada September 2023. Data pendaratan diambil dari lima (5) buah pengkalan pendaratan nelayan iaitu Pengkalan Batu Maung, Pengkalan Teluk Tempoyak, Pengkalan Sungai Batu, Pengkalan Gertak Sanggul dan Pengkalan Permatang Damar Laut.

Statistik DOF juga menunjukkan hasil penangkapan udang berlaku penurunan dan tidak stabil. Walau bagaimanapun, sedikit peningkatan berlaku pada Ogos 2023 dan dilaporkan menurun sekali lagi secara drastik pada September 2023. Walaupun pendaratan Udang Putih/Kertas bersaiz besar menunjukkan kenaikan pada Oktober, November dan Disember 2023, kenaikan ini tidaklah terlalu ketara. Kemungkinan udang bersaiz besar mempunyai "*survival skill*" untuk menyelamatkan diri dan kembali semula ke kawasan asalnya.

Secara keseluruhannya pendaratan ikan di Selatan Pulau Pinang telah mengalami penurunan dan perkara ini diakui dalam laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan *Fish Impact Assessment* (FIA) di mana sebarang kerja tambakan akan menyebabkan kesan seperti kekurangan

tempat penangkapan dan pengurangan sumber itu sendiri. Pelbagai faktor menyebabkan penurunan hasil tangkapan seperti kematian hasil laut semasa tambakan akibat kekurangan oksigen. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membantu mengembalikan semula lokasi penangkapan ikan yang telah terjejas dengan lokasi baharu yang sesuai bagi membantu nelayan untuk mendapatkan sumber perikanan.

- (c) Bagi inisiatif pelabuhan tukun tiruan di bawah program PEOM, pihak SID telah melantik Pusat Kajian Samudera dan Pantai, Universiti Sains Malaysia (CEMACS) untuk menjalankan satu kajian mengenai kawasan dasar, jenis dasar dan diversiti ikan sebelum pelabuhan tukun dijalankan. Satu *pilot trial* telah dirancang pada suku ketiga tahun 2024 untuk menguji keberkesanan reka bentuk tukun tiruan yang dicadangkan oleh CEMACS. Selain itu, CEMACS telah mencadangkan tempat dan jenis tukun yang sesuai dilabuhkan kepada pihak SID. Pihak SID sedang dalam tindakan untuk melabuhkan tukun-tukun yang telah direka tersebut ke dalam laut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

3. Nyatakan senarai taman dan tapak rekreasi awam di bahagian Pulau dan di Seberang Perai yang membenarkan pengunjung membawa haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing.
  - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan lebih banyak taman awam yang mesra haiwan peliharaan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Taman-taman awam yang di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) seperti Taman Bandaraya (Youth Park), Taman Metropolitan Relau, dan Taman Jajar di Halaman York merupakan kawasan yang tidak membenarkan orang awam atau pengunjung membawa haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing kerana dikhuatiri boleh membahayakan keselamatan orang awam atau pengunjung-pengunjung lain yang mengunjungi taman tersebut selain bagi menghormati sensitiviti masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Walau bagaimanapun, taman rekreasi di Gurney Bay iaitu di bahagian *Lower Promenade Area* merupakan kawasan yang membenarkan orang awam atau pengunjung membawa haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing.

Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, tiada taman dan taman rekreasi awam yang membenarkan orang awam atau pengunjung membawa haiwan peliharaan. Papan tanda larangan dan pemberitahuan (Dilarang membawa masuk haiwan peliharaan) dipasang di setiap kawasan lapang dan taman rekreasi awam untuk pemakluman dan perhatian kepada orang awam atau

pengunjung yang mengunjungi taman-taman tersebut.

- (a) Berdasarkan Undang-Undang Kecil Taman Majlis Perbandaran Pulau Pinang Tahun 1993, haiwan peliharaan seperti anjing adalah tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam mana-mana taman awam bagi menjaga sensitiviti pengguna awam serta tidak menimbulkan isu sisa buangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang mengkaji kesesuaian kawasan yang boleh dijadikan salah satu taman awam yang mesra haiwan peliharaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

4. Nyatakan kos penyelenggaraan dan pengurusan pokok-pokok di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai setiap tahun dari tahun 2019 sehingga 2023.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Jumlah kos penyelenggaraan dan pengurusan pokok-pokok di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai dari tahun 2019 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN / PBT</b>	<b>MBPP</b>	<b>MBSP</b>
2019	1,000,000.00	2,175,180.38
2020	12,000,000.00	2,665,681.50
2021	6,000,000.00	2,584,115.00
2022	4,000,000.00	7,000,000.00
2023	7,000,000.00	7,000,000.00



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

5. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan kawasan pinggir laut di sekitar negeri tidak tenggelam atau terhakis akibat daripada kenaikan paras laut.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memberi perhatian dengan memantau keadaan pinggir laut di negeri ini. Bagi tindakan jangka pendek, JPS akan menjalankan kerja-kerja pencegahan segera sekiranya terdapat kejadian limpahan air laut ke kawasan berhampiran. Kerja-kerja ini bagi langkah kawalan di tapak. JPS juga telah memohon Peruntukan Persekutuan melalui RMK-12 RP5 Tahun 2025 bagi Projek Pembinaan Outfall dan Struktur Pencegahan Hakisan Pantai Batu Feringghi dan Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Selain itu, pihak JPS juga akan memohon Peruntukan Pembangunan Negeri Tahun 2025 bagi pelaksanaan Projek Pembinaan Struktur Mencegah Hakisan Pantai Dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Pengkalan Nelayan Paramount Daerah Timur Laut.

Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan persekutuan bagi menjalankan Projek Fenomena Air Pasang Besar di tiga (3) daerah di negeri ini. Projek tersebut adalah:

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Status</b>
1	Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai di Persisiran Pantai Bagan Ajam, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Dalam pelaksanaan
2	Projek Pembinaan Ban Pantai Byram, Muara Sungai Kerian Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Dalam pelaksanaan
3	Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai di Pantai Mak Minah di Kawasan Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Dalam pelaksanaan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

6. Nyatakan status terkini dan perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kemudahan nelayan di pantai Jalan Sultan Ahmad Shah.
- (a) Apakah kekangan yang dihadapi dan bilakah projek pembangunan ini boleh disiapkan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Terdapat dua (2) pangkalan nelayan di Jalan Sultan Ahmad Shah iaitu Pangkalan Nelayan Gurney dan juga Pangkalan Nelayan Paramount.
- (a) Struktur tapak di Pangkalan Nelayan Gurney telah mengalami kerosakan dan tidak selamat lagi untuk digunakan. Kerosakan di Pangkalan Nelayan Gurney ini adalah tidak relevan untuk dibaik pulih atau dinaik taraf memandangkan tiada akses laluan kenderaan serta terdedah dengan risiko hakisan ombak. Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang juga menghadapi kesukaran dalam memohon peruntukan dengan pihak ibu pejabat memandangkan Pangkalan Nelayan Gurney ini tiada mempunyai status kelulusan dan kebenaran mengguna tanah daripada pihak berkuasa.

Justeru, bagi rancangan jangka masa pendek, LKIM telah memohon kawasan penempatan baharu tanah kerajaan di atas Petak A, bersebelahan Lot 1147 dan 1065, Seksyen 13, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut iaitu di Pangkalan Nelayan Paramount bagi menempatkan nelayan-nelayan dari

Pangkalan Nelayan Gurney ini. Sehingga kini pihak LKIM masih belum memperolehi Kebenaran Mengguna Tanah Kerajaan bagi kawasan tersebut. Setelah kebenaran mengguna tanah diperolehi daripada pihak berkuasa, pihak LKIM akan memohon peruntukan segera bagi membina 20 unit bangsal nelayan bagi menempatkan nelayan-nelayan Pangkalan Gurney.

Selain itu, bagi rancangan masa panjang, LKIM telah memohon peruntukan melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) di bawah Program Pembinaan Kemudahan Infrastruktur Jeti berjumlah RM2 juta untuk tujuan membangunkan jeti, bangsal nelayan serta dewan serbaguna bagi kemudahan nelayan Gurney dan juga nelayan Paramount.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

7. Senaraikan projek-projek dan kos yang terlibat dalam setiap projek yang telah dilaksanakan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang pada tahun 2023.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Setiap tahun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM6,800,000.00 bagi melaksanakan projek-projek di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) untuk membantu penyelenggaraan perumahan berstrata swasta yang layak. Pada tahun 2023, peruntukan TPM80PP adalah sebanyak RM8,517,217.40 dengan penjimatan sebanyak RM1,217,217.40 dari projek yang tidak dilaksanakan pada tahun 2022 dan 2023 serta RM500,000.00 yang disalurkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM10,867,412.25 dengan 47 bilangan projek dengan pembiayaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM8,327,375.60 dan RM2,540,036.65 ditanggung oleh *Joint Management Body / Management Corporation* (JMB / MC). Senarai projek yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KELULUSAN PROJEK TPM80PP BAGI TAHUN 2023**

BIL	PERKARA	JUMLAH KOS	JUMLAH PEMBIAYAAN	
			KERAJAAN	JMB/MC
1.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lif Di Medan Samak, DTL, Pulau Pinang	RM137,000.00	RM109,600.00	RM27,400.00
2.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dan Pembaikan Sepuluh (10) Unit Lif Di Taman Terubong Indah, DBD, Pulau Pinang	RM584,500.00	RM467,600.00	RM116,900.00
3.	Kerja-kerja Menaik Taraf Satu (1) Unit Lif Di Central Park, Jelutong, DTL, Pulau Pinang	RM98,500.00	RM78,800.00	RM19,700.00
4.	Kerja-kerja Menaik Taraf Empat (4) Unit Lif Di Puncak Erskine, Tanjung Tokong, DTL, Pulau Pinang	RM388,600.00	RM310,880.00	RM77,720.00
5.	Kerja-kerja Menaik Taraf Lif Tiga (3) Unit Lif Di Menara Kuda Lari, Pulau Pinang, DTL, Pulau Pinang	RM540,000.00	RM324,000.00	RM216,000.00
6.	Kerja-kerja Menaik Taraf, Tukar Sistem Baru, Tukar Komponen Dan Kerja-kerja Berkaitan Dua (2) Unit Lif Di Rumah Pangsa Desa Riang 5, DTL, Pulau Pinang	RM396,000.00	RM316,800.00	RM79,200.00
7.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lif Di Taman Jed, Blok 316, DTL, Pulau Pinang	RM192,000.00	RM153,600.00	RM38,400.00
8	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lif Di Desa Mutiara Indah Block 71, DBD, Pulau Pinang	RM209,000.00	RM167,200.00	RM41,800.00
9.	Kerja-kerja Menaik Taraf Satu (1) Unit Lif Di Tampin Court, DTL, Pulau Pinang	RM80,750.00	RM64,600.00	RM16,150.00
10.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Tangki Air Yang Rosak Dan Paip Utama Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Desa Penaga Blok 60, DTL, Pulau Pinang	RM186,000.00	RM148,800.00	RM37,200.00
11.	Kerja-kerja Menaik Taraf Pagar "Anti Climb Fence" Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Desa Aman Blok 53 (A1), DBD, Pulau Pinang.	RM63,975.50	RM25,590.20	RM38,385.30
12.	Kerja-kerja Pembaikan Tangki Air Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Taman Seri Pinang Blok A, SPU, Pulau Pinang	RM53,000.00	RM42,400.00	RM10,600.00

BIL	PERKARA	JUMLAH KOS	JUMLAH PEMBIAYAAN	
			KERAJAAN	JMB/MC
13.	Kerja-kerja Menaik Taraf Satu (1) Unit Tangki Air Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Rumah Pangsa Bunga Tanjung, SPU, Pulau Pinang (Fasa 2)	RM72,200.00	RM57,760.00	RM14,440.00
14.	Kerja-kerja Pembaikan Empat (4) Unit Tangki Air Yang Rosak, Menggantikan Satu (1) Unit Tangki Air Bawah Dan Pembaikan <i>Waterproofing</i> Pada Lantai Tangki Air Serta Lain-lain Kerja Berkaitan Di Blok 4, Lebu Padang Tembak, Taman Air Hitam, DTL, Pulau Pinang	RM190,000.00	RM152,000.00	RM38,000.00
15.	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pam Di Pangsapuri Seruling Emas, SPS, Pulau Pinang	RM100,050.00	RM80,040.00	RM20,010.00
16.	Kerja-kerja Menaik Taraf Empat (4) Unit Tangki Air Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Pangsapuri Opal, DTL, Pulau Pinang	RM469,000.00	RM375,200.00	RM93,800.00
17.	Kerja-kerja Menukar Enam Belas (16) Unit Tangki Air Yang Bocor Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok 98 Dan Blok 100 Pangsapuri Mewah Court, DTL, Pulau Pinang	RM476,300.00	RM381,040.00	RM95,260.00
18.	Kerja-kerja Menaik Taraf Tiga (3) Unit Tangki Air Bomba Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Tiga (3) Blok Taman Sri Damai, DTL, Pulau Pinang	RM280,100.00	RM224,080.00	RM56,020.00
19.	Kerja-kerja Pembaikan Sembilan (9) Unit Tangki Air Yang Bocor Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Lima (5) Blok Taman Kumbar Permai, DBD, Pulau Pinang	RM220,750.00	RM176,600.00	RM44,150.00
20.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lift Di Pangsapuri Desa Mawar, Bandar Baru Ayer Itam, DTL Pulau Pinang	RM384,120.00	RM307,296.00	RM76,824.00
21.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lif Di Desa Green Blok 46, DTL, Pulau Pinang.	RM203,000.00	RM162,400.00	RM40,600.00

BIL	PERKARA	JUMLAH KOS	JUMLAH PEMBIAYAAN	
			KERAJAAN	JMB/MC
22.	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pam Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Rumah Pangsa Uda Tanjong Tokong, DTL, Pulau Pinang	RM19,900.00	RM15,920.00	RM3,980.00
23.	Kerja-kerja Pembaikan Satu (1) Unit Tangki Air Yang Bocor Dan Penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan (STP) Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok 55, Jalan Pantai Aziz, DBD, Pulau Pinang.	RM158,340.00	RM126,672.00	RM31,668.00
24.	Kerja-kerja Pembaikan Dua (2) Unit Tangki Air Yang Bocor Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Pangsapuri Nagasari Blok B, SPT, Pulau Pinang	RM73,700.00	RM58,960.00	RM14,740.00
25.	Kerja-kerja Menaik Taraf Pagar " <i>Anti Climb Fence</i> " Dan " <i>Railing</i> " Tangga Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok B1, Lorong Pintas Kalui 1, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang	RM96,710.00	RM38,684.00	RM58,026.00
26.	Kerja-kerja Menaik Taraf Bumbung Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok D, Flat Taman Idaman, SPS, Pulau Pinang (Fasa 1)	RM178,000.00	RM142,400.00	RM35,600.00
27.	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Taman Abidin, DTL, Pulau Pinang	RM174,400.00	RM34,880.00	RM139,520.00
28.	Kerja-kerja Menaik Taraf Empat (4) Unit Tangki Air Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Wisma Lam Hong, DTL, Pulau Pinang	RM187,800.00	RM150,240.00	RM37,560.00
29.	Kerja-kerja Menaik Taraf Bumbung Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Taman Samak, DTL, Pulau Pinang	RM123,200.00	RM98,560.00	RM24,640.00
30.	Kerja-kerja Menaik Taraf Empat (4) Unit Lift Di Pangsapuri Pinang Emas, DTL, Pulau Pinang	RM412,000.00	RM329,600.00	RM82,400.00
31.	Kerja-kerja Pembaikan Dua (2) Unit Lift Di Pangsapuri Seri Nilam, DBD, Pulau Pinang	RM69,000.00	RM41,400.00	RM27,600.00
32.	Kerja-kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif Di Taman Sri Petani, DTL, Pulau Pinang	RM135,000.00	RM108,000.00	RM27,000.00



BIL	PERKARA	JUMLAH KOS	JUMLAH PEMBIAYAAN	
			KERAJAAN	JMB/MC
33.	Kerja-kerja Menaik Taraf Empat (4) Unit Lif Di Pangsapuri Pelangi Blok 3 & 5, DTL, Pulau Pinang	RM400,000.00	RM320,000.00	RM80,000.00
34.	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Perpaipan, Penggantian Dua (2) Unit Pam Air Dan Pembaikan Tiga (3) Unit Tangki Air Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok 6 Taman Lip Sin, DTL, Pulau Pinang	RM251,728.75	RM201,383.00	RM50,345.75
35.	Kerja-kerja Menaik Taraf Keseluruhan Sistem Perpaipan Dan Pembaikan Satu (1) Unit Tangki Air Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok 11 Taman Jubilee 3, DTL, Pulau Pinang (Fasa 1)	RM230,150.00	RM184,120.00	RM46,030.00
36.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua Belas (12) Unit Tangki Air Yang Rosak Dan Penggantian Sistem Perpaipan Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok 2 Dan Blok 4, Pangsapuri Gedung Height, DBD, Pulau Pinang (Fasa 1)	RM455,000.00	RM364,000.00	RM91,000.00
37.	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Perpaipan, Penggantian Dua (2) Unit Tangki Air Baru Dan Pembaikan <i>Waterproofing</i> Yang Rosak Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok J, Desa Permai Indah, DTL, Pulau Pinang	RM479,990.00	RM383,992.00	RM95,998.00
38.	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Perpaipan Dan Pembaikan Dua (2) Unit Tangki Air Yang Bocor Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok 88D Taman Seri Relau, DTL, Pulau Pinang	RM298,848.00	RM239,078.40	RM59,769.60
39.	Kerja-kerja Menaik Taraf Lima (5) Unit Tangki Air Yang Rosak Dan Paip Air Utama Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Rumah Pangsa Sri Bagan, SPU, Pulau Pinang	RM261,000.00	RM208,800.00	RM52,200.00
40.	Kerja-kerja Mengecat Semula Satu (1) Blok Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di	RM126,400.00	RM25,280.00	RM101,120.00

BIL	PERKARA	JUMLAH KOS	JUMLAH PEMBIAYAAN	
			KERAJAAN	JMB/MC
	Taman Abidin, DTL, Pulau Pinang			
41.	Kerja-kerja Menaik Taraf Tiga (3) Unit Lif Di I Park Bayan Lepas, DBD, Pulau Pinang	RM430,000.00	RM344,000.00	RM86,000.00
42.	Kerja-kerja Pembaikan Satu (1) Unit Lif Di Rumah Pangsa Tampin Court, DTL, Pulau Pinang	RM19,800.00	RM15,840.00	RM3,960.00
43.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lif Di Halaman Damai Blok 9, DTL, Pulau Pinang	RM183,000.00	RM146,400.00	RM36,600.00
44.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dua (2) Unit Lif Di Taman Boundary, DTL, Pulau Pinang	RM250,000.00	RM200,000.00	RM50,000.00
45.	Kerja-kerja Menaik Taraf Satu (1) Unit Lif Di Sun Moon City, DTL, Pulau Pinang	RM145,000.00	RM116,000.00	RM29,000.00
46.	Kerja-kerja Penggantian Talang Dan Siling Koridor Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di PPR Mak Mandin, SPU, Pulau Pinang	RM85,800.00	RM68,640.00	RM17,160.00
47.	Kerja-kerja Pembaikan Lapan (8) Unit Tangki Air Yang Bocor Dan Pembaikan Lapisan Kalis Air Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Dua (2) Blok Kondorakyat Taman Seruling Emas, SPS, Pulau Pinang	RM297,800.00	RM238,240.00	RM59,560.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM10,867,412.25</b>	<b>RM8,327,375.60</b>	<b>RM2,540,036.65</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

8. Nyatakan berapa unit Rumah Mampu Milik (RMM) setiap kategori (A, B, C1, C2, C3) dari setiap projek yang telah dibina di KADUN Pulau Tikus dari tahun 2019 sehingga 2023.
- (a) Apakah projek RMM yang bakal dijalankan di KADUN Pulau Tikus dalam masa lima tahun yang akan datang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), terdapat satu (1) Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Kategori B yang telah dibina di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2009 dengan jumlah 295 unit melibatkan Projek Bukit BL oleh pemaju swasta dan tiada pelaksanaan pembangunan RMM yang direkodkan dari tahun 2019 sehingga 2023.

Setakat ini, tiada perancangan pembangunan Projek RMM di kawasan KADUN Pulau Tikus dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk mengenal pasti beberapa tanah milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang bagi cadangan pembangunan Projek RMM khususnya di bawah KADUN Pulau Tikus.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

Nyatakan berapa unit Rumah Mampu Milik (RMM) setiap kategori (A, B, C1, C2, C3) dari setiap projek yang telah dibina di bahagian Pulau dan Seberang Perai dari tahun 2019 sehingga 2023.

- (a) Apakah projek RMM yang bakal dijalankan di Pulau Pinang dalam masa lima tahun yang akan datang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Sepertimana yang dinyatakan di dalam Visi Penang 2030, Kerajaan Negeri mensasarkan pembekalan sebanyak 220,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) pelbagai kategori menjelang tahun 2030. Setakat 30 April 2024, pembekalan unit telah mencapai 160,744 unit iaitu 73.07%. Perincian mengikut kategori RMM dan status pembinaan adalah seperti di jadual 1.

<b>KATEGORI RMM/STATUS</b>	<b>SIAP DIBINA</b>	<b>PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN</b>	<b>PERANCANGAN</b>
<b>160,744</b>	<b>50,700</b>	<b>20,547</b>	<b>89,497</b>
RMM A	21,405	3,949	8,817
RMM B	15,475	2,146	16,304
RMM C	13,820	14,452	64,376

Jadual 1: Perincian status pelaksanaan RMM di Pulau Pinang sehingga 30 April 2024.

Dari tahun 2019 sehingga 2023, sebanyak 12,052 unit RMM telah dibina di seluruh Negeri Pulau Pinang. Perincian kategori RMM yang telah siap dibina mengikut daerah adalah seperti di jadual 2.

<b>SIAP DIBINA</b>					
<b>KATEGORI RMM</b>	<b>DAERAH</b>				
	<b>DAERAH TIMUR LAUT</b>	<b>DAERAH BARAT DAYA</b>	<b>SEBERANG PERAI UTARA</b>	<b>SEBERANG PERAI TENGAH</b>	<b>SEBERANG PERAI SELATAN</b>
	<b>(UNIT)</b>	<b>(UNIT)</b>	<b>(UNIT)</b>	<b>(UNIT)</b>	<b>(UNIT)</b>
<b>RMM A</b>	-	1,290	3,610	394	41
<b>RMM B</b>	464	303	353	-	-
<b>RMM C</b>	3,155	-	1,239	1,203	-
<b>JUMLAH</b>	<b>3,619</b>	<b>1,593</b>	<b>5,202</b>	<b>1,597</b>	<b>41</b>
	<b>5,212</b>		<b>6,840</b>		

Jadual 2: Perincian unit siap dibina mengikut daerah di Pulau Pinang dari tahun 2019 sehingga 2023.

- (a) Projek RMM yang bakal dijalankan di Pulau Pinang dalam tempoh masa lima (5) tahun yang akan datang terdiri daripada projek yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan, kelulusan pelingkungan semula oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan dalam senarai agensi / jabatan kerajaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN

Daerah Timur Laut						
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2018	10009,10010,10011,10012 & 10013, Seksyen 1 Batu Ferringhi, Jalan Sungai Satu	Eastscape Vista Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,248
2	2017	62, Seksyen 2 Batu Ferringhi, Batu Ferringhi, DTL	Malim Jaya (Melaka) Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	15
3	2017	62, Seksyen 2 Batu Ferringhi, Batu Ferringhi, DTL	Malim Jaya (Melaka) Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	182
4	2017	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, Daerah Timur Laut	Focal Products Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	646
5	2017	Di Atas Lot 2920, Pt 3986, Dan Sebahagian Lot 2921 & Lot 292, Jalan Bukit Gambier, Sungai Dua, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Gambier Sanctuary Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	194
6	2017	Di Atas Lot 1555 (Lot Baru 6400), Persiaran Bukit Gambir 1, Mukim 13, DTL	Tetuan MPSB Venture Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	85
7	2018	Warisan Tanjung Fasa 4C, Tanjong Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	Tetuan MPSB Venture Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	650
8	2018	Wakaf Shaik Eusoff, Jalan Air Itam	Tetuan UDA (North) Sdn. Bhd. JV MAINPP	Kebenaran Merancang	B	1,248
9	2018	Kampong Mutiara, Batu Feringghi	Tetuan UDA (North) Sdn. Bhd. (Kerajaan Pusat)	Kebenaran Merancang	A	566
10	2018	Kota Giam	LPNPP	Kebenaran Merancang	A	261
11	2018	Kota Giam	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	1,827
12	2018	Kota Giam	LPNPP	Kebenaran Merancang	B	922
13	2018	Jalan Perak	MBPP	Kebenaran Merancang	B	200
14	2018	Jalan Perak	MBPP	Kebenaran Merancang	C	2,225
15	2020	Lot 728, Batu Gantung, Seksyen 2, DTL	Tetuan Berjaya Land Development SB	Kebenaran Merancang	B	70
16	2018	Di Atas Sebahagian Lot 11511, Tingkat Paya Terubong 2, Mk. 13, DTL	Tetuan Patsifit Construction Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	205
17	2019	Lot 486, Mukim 14, DTL	Tetuan Yuan Seng Building Trading Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	313
18	2019	Lot 11312, 11314, 11315, 11316, 11317, Plot D, Sbhg Lot 11311 & 11313, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13	Aspen Park Hills	Kebenaran Merancang	B	464

## SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN

Daerah Timur Laut						
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
19	2020	Lot 6388-6390, Mukim 13, Jalan Masjid DTL	Lengkap Impresif	Kebenaran Merancang	B	27
18	2020	10025, Lebuhr Relau, Mukim 13 Air Itam	EIZO Enterprise Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	118
19	2021	Mutiara Ria	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	410
20	2021	Mutiara Ria	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	838
21	2022	Air Itam	Zantalite	Pelingkungan Semula	C	527
22	2022	Batu Feringghi	Orientside Dev. Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	C	300
23	2022	Lot 25, 26 Air Itam, Jalan Bukit Kukus	GEOVALLEY	Kebenaran Merancang	C	1,670
24	2022	Lot 3196 (Parcel 4C), Seksyen 1, Tanjung Tokong	UDA Land North	Pelingkungan Semula	B	930
25	2022	Lot 3196 (Parcel 4C 2), Seksyen 1, Tanjung Tokong	UDA Land North	Pelingkungan Semula	C	500
26	2022	Tanah Kerajaan dan Lot 35, Seksyen 1, Jalan Madrasah, Jelutong, DTL	LPNPP JV	Kebenaran Merancang	C	345
27	2023	Jalan Khoo Khen Kiat, Air Itam	Zantalite	Pelingkungan Semula	C	596
28	2023	Di Atas No. 15, Lot 76, Jalan Batu Ferringhi, Bandar Batu Ferringhi, Pulau Pinang	Epic Gateway Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	66
29	2023	Di Atas Lot 42, Jalan Sungai Batu, Seksyen 1, Bandar Batu Ferringgi, Pulau Pinang	UDA Land North	Kebenaran Merancang	B	78
30	2023	Di Atas Tanah Kerajaan Tebus Guna Jelutong (Tapak Pelupusan Sampah Sedia Ada), Seksyen 8, Bandar Jelutong, Pulau Pinang	PLB Engineering Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,223
31	2023	Di Atas Tanah Kerajaan Tebus Guna Jelutong (Tapak Pelupusan Sampah Sedia Ada), Seksyen 8, Bandar Jelutong, Pulau Pinang	PLB Engineering Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	525
32	2023	PPR Kota Giam , Jelutong		Kebenaran Merancang		500
33	2024	Lot 4837, 10098, 10100, 10101, 10102, 10103, 10104, 10105, 10106, Jalan Loh Poh Heng, Bandar Tanjung Bunga	Prestige Origin Sdn. Bhd	Kebenaran Merancang	B	342
<b>Jumlah</b>						<b>20,316</b>

**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Daerah Barat Daya</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
1	2016	Lot No. 84, Mukim D Bagan Air Itam, Lorong Prestij 10, Jalan Baru, George Town, DTL	Alamkhas Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	192
2	2016	Lot No. 84, Mukim D Bagan Air Itam, Lorong Prestij 10, Jalan Baru, George Town, DTL	Alamkhas Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	192
3	2018	Pembangunan Bercampur Di Lot 289, 290, 291, 752, 768, 770, 1050 dan 1144, Mukim 11, Sungai Batu, DBD Pulau Pinang	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	645
4	2017	Sbhg. 728 & 1551, Mukim 4 Batu Itam, Jalan Sungai Air Putih 6, Daerah Barat Daya	MTT Properties. & Dev. Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	160
5	2017	Sbhg. 728 & 1551, Mukim 4 Batu Itam, Jalan Sungai Air Putih 6, Daerah Barat Daya	MTT Properties. & Dev. Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	288
6	2017	Di Atas Lot 1053, 1054 Dan Sebahagian Simpanan Laluan (Pelot A), Mukim C	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	108
7	2017	Di Atas Lot 1053, 1054 Dan Sebahagian Simpanan Laluan (Pelot A), Mukim C	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	128
8	2017	Di Atas Lot 802 dan 444, Jalan Dato' Ismail Hashim, Mukim 11, Daerah Barat Daya	Tetuan I-Global Property Network Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	559
9	2017	Tetuan Elit Sempurna	PPA1M Teluk Kumbar, di Atas Lo-lot 11, 12, 15, 16, 1531 dan 1532, Mk. 9, DBD	Kebenaran Merancang	C	2500
10	2017	Tetuan Asta Gemilang	PPA1M Sungai Batu, di Atas Lot 290 dan 291, Mk. 11, DBD	Kebenaran Merancang	C	4000
11	2018	Di Jalan Pondok Upeh, Mukim 6	Tetuan Plenitude Estates SB	Kebenaran Merancang	A	327
12	2018	Lot 70677, Mk. 12	Tetuan Suria Permas SB	Kebenaran Merancang	C	168
13	2018	di Atas Lot 683, Jalan Bukit Belah 1, Mk. 11, DBD	Tetuan Reignview Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	201
14	2018	Di Atas Lot 10097&10331, Jalan Balik Pulau, Mukim 6, DBD, Pulau Pinang	Tetuan ION Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	220
15	2019	Lot-lot 422, 423 & 424, Mk. 10	Tetuan Iconic Landmark Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	357
	2019	Lot-lot 422, 423 & 424, Mk. 10	Tetuan Iconic Landmark Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,188
16	2019	Lot-lot 20252, 20253, 20283 & 1804 (Sebahagian Lot Lama 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), Mukim 11	Tetuan Wisma Dayamas Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	115



**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Daerah Barat Daya</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
17	2019	Lot-lot 20252, 20253, 20283 & 1804 (Sebahagian Lot Lama 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), Mukim 11	Tetuan Wisma Dayamas Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	115
18	2019	Di Atas Lot 237,439,440 Dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	Tetuan Jernih Prospektif Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	1,224
19	2019	Di Atas Lot 237,439,440 Dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	Tetuan Jernih Prospektif Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	360
20	2019	Di Atas Lot 237,439,440 Dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	Tetuan Jernih Prospektif Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	320
21	2019	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat Daya	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	129
22	2019	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat Daya	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	85
23	2021	Jalan Sungai Pinang, DBD	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	192
24	2021	Jalan Sungai Pinang, DBD	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	192
25	2021	Bukit Gedong	LPNPP	Kebenaran Merancang	B	300
26	2021	Bukit Gedong	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	960
27	2021	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	Kobay SB Sdn. Bhd.	Pelengkungan Semula	C	259
28	2021	Lot 70790, Mukim 12, Jalan Permatang Damar Laut, Batu Maung	Vienna View Development Sdn. Bhd. / Mah Sing	Pelengkungan Semula	C	536
29	2021	Lot 72021, Mukim 12, DBD	Magna Rezeki Sdn. Bhd.	Pelengkungan Semula	C	1,202
30	2021	13742-13746, 13769-13773 & PT6574, Jalan Changkat Sungai Ara 1, Mukim 12, DBD	OIB Properties (K) Sdn. Bhd.	Pelengkungan Semula	C	849
30	2021	Lot 20390, Mukim 11, Sungai Batu	Kay Pride	Pelengkungan Semula	C	960
31	2022	Lot 362, 21173, 21174 & 20088, 20092, Mukim 11, Permatang Damar Laut	M SUMMIT Premium	Pelengkungan Semula	C	527
32	2022	URC Mahsuri	LPNPP	URC Mahsuri 5 Point Block Fasa 1	B	300

**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Daerah Barat Daya</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
33	2023	URC Mahsuri	LPNPP	URC Mahsuri 5 Point Block Fasa 1	C	770
34	2023	Di Atas Lot-lot Pt 1962-1965 Serta Tanah Kerajaan 'Petak A', 'Petak B', 'Petak C', Mukim 13, Serta 'Petak E', Mukim 12, Pulau Pinang	Tropical Island Resorts Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	360
35	2023	Di atas Sebahagian Lot 586 & 675, Mukim 10, Daerah Barat Daya	Icon Attractions Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	C	1,299
					B	150
36	2023	Di atas Lot 672, 673, 675, 144, 1060, 20151, 20152, 645, 646 & 649, Mukim 11, DBD	Dynamite Pacific Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	C	1,240
37	2023				B	372
38	2023	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Asta Gemilang Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,050
39	2023	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Sunrich Conquest Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,670
40	2024	Lot 1411, Jalan Kekabu 5 dan 1, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Zantalite Enterprise (M) Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	484
<b>Jumlah</b>						<b>27,253</b>

**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Seberang Perai Tengah</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
1	2017	Juru	LPNPP	Kebenaran Merancang	B	1,180
2	2017	Juru	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	1,268
3	2017	Permatang tinggi	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	704
4	2017	Bukit Mertajam	LPNPP	Kebenaran Merancang	B	894
5	2017	Bukit Mertajam	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	1,287
6	2017	Bersebelahan Taman Markisah, Mukim 14, SPT	Total Vista Dev. S/B	Kebenaran Merancang	A	420
7	2017	Seksyen 4, Bukit Mertajam, SPT	Avongold City S/B	Kebenaran Merancang	A	230
8	2017	Bersebelahan Taman Tan Sai Gin, Sek.3, SPT	Rank City S/B	Kebenaran Merancang	A	84
9	2019	Lot 32905 (PT3054) Mukim 14, Jalan Bukit Minyak	Taraf Ria Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	160
10	2021	Di Atas Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	Total Vista Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	74
11	2021	Di Atas Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	Total Vista Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	182
12	2021	Di Atas Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 3)	Total Vista Development Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	182
13	2021	Di Atas Lot PT16, PT 17, PT 18, PT 10000, Bandar Perai Dan PT 301, PT 302, Mukim 4, Kampung Bagan Serai, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	400
14	2021	Di Atas Lot PT16, PT 17, PT 18, PT 10000, Bandar Perai, dan PT 301, PT 302, Mukim 4, Kampung Bagan Serai, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	694
15	2021	Di Atas Lot 10067 (PT 2997), Mukim 6, Jalan Pematang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah	JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	395

**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Seberang Perai Tengah</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
16	2021	31988, Lot Lama 1229, Mukim 14, Jalan Bukit Minyak Utama, SPT	Zuwen Bina	Kebenaran Merancang	C	544
17	2021	Pangsapuri Rambai Mewah	JSC Infrabina	Kebenaran Merancang	C	396
18	2021	Lot 1056, 1057, 1058, 1059 Mukim 21, SPT	Spirit of Perai Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	A	350
19	2021	Lot 1056, 1057, 1058, 1059 Mukim 21, SPT	Spirit of Perai Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	C	412
20	2021	Lot 226, 227, 229, 233, 234, 908, 970, 971, 972, 973, 974, 975 Mukim 19 dan Lot 1045, 1046, 1049 dan 1050 Mukim 18, SPT	Concrete Gold (M) Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	C	5,980
21	2021	Lot 712, 713, 1839, 1841, 1843, 2206, & PT 274 Lot 683, 684, 726, 727, 1838, 1840 Dan 1842 Mukim 16, SPT	Quality Frontier Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	190
22	2021	Lot 317794 (Lot Lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	Iconic Maison Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	751
23	2022	31228, Mukim 14, Jalan Desa Titi Panjang, SPT	Iconic Land Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	550
24	2022	Aston Minca Residence	KH Venture Estate Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	237
25	2022	Perai (Kg Main)	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	1,400
26	2022	Perai (Kg Main)	LPNPP	Kebenaran Merancang	B	960
28	2022	Di Atas Lot 189 Dan 665 Mukim 19, SPT	Waz Lian Holding Sdn. Bhd.	Pelingkungan Semula	A	300
29	2023	Di Atas Lot 195, Jalan Sejahtera 1, Mukim 15, SPT	Golden Rch Development	Kebenaran Merancang	C	113
30	2023	Di Atas Lot 10261-10280, Mukim 12, SPT	Firma Atasan Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,236
<b>Jumlah</b>						<b>21,573</b>

**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Seberang Perai Selatan</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
1	2018	Bandar Cassia Fasa 4 – 25	PDC Properties	Kebenaran Merancang	B	3,223
2	2018	Bandar Cassia Fasa 4 – 25	PDC Properties	Kebenaran Merancang	C	8,000
3	2018	Di Atas Lot 8019 (Lot Lama PT 841) & Lot 8020 (Lot Lama PT 1369), Jalan Ilmu, Mukim 9, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	360
4	2022	Di Atas Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Chen Yu Land Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	152
5	2023	GUH		Kebenaran Merancang	A	208
<b>Jumlah</b>						<b>11,943</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>90,497</b>

**SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN**

<b>Seberang Perai Utara</b>						
<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Status</b>	<b>Jenis RMM</b>	<b>Bil. Unit</b>
1	2018	Di Atas Lot-lot 2499, 195, 2502, 2570, 270, 189, 190, 2569, 2626, 197, 199, 1420187, 268 & 362, Seksyen 4, Butterworth	STC Property Management Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	225
2	2018	Di Atas Lot 20084 (Sebahagian Lot Lama 3261) & Lot 20086 (Sebahagian Lot Lama 3264), Mukim 12, Jalan Kubang Menerong	Tetuan Pavilion Everise Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	119
3	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 2694, HS (D) 1194, Mukim 6 dan Lot 2587, HS (D) 409, Mukim 8, Pongsu Seribu, Kepala Batas, SPU	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	3,549
4	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Sebahagian Lot 15461 (Lot Lama 5687), Jalan Gelugor, SPU	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	439
5	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Sebahagian Lot 15461 (Lot Lama 5687), Jalan Gelugor, SPU	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,130
6	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 2770, 2771, 2772, 2773, 2776, 2777 Dan 2480, Mukim 12, Tasek Gelugor	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	70
7	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 1640, Mukim 13, Ara Kuda, SPU	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	349
8	2022	Ampang Jajar	LPNPP	Kebenaran Merancang	B	720
9	2022	Ampang Jajar	LPNPP	Kebenaran Merancang	C	2,080
10	2023	Jayamas RMM Sdn. Bhd.	Jayamas RMM Sdn. Bhd	Kebenaran Merancang	C	231
11	2023	PPR Kepala Batas	LPNPP	Perancangan		500
<b>Jumlah</b>						<b>9,412</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

10. Nyatakan perancangan dan status terkini untuk membangunkan semula atau menaik taraf Pasar Awam Pulau Tikus di Jalan Pasar supaya dapat menyediakan lebih banyak tempat letak kereta untuk penjaja dan pengunjung.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Pasar Awam Pulau Tikus di Jalan Pasar yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Penyediaan tempat letak kereta tambahan juga adalah antara yang dirancang tetapi tidak dapat dilaksanakan buat masa ini memandangkan lokasi sedia ada iaitu di tepi jalan adalah tidak sesuai kerana ia boleh menimbulkan kesesakan dan juga isu-isu lalu lintas yang lain.

Selain itu, pihak MBPP juga turut memperuntukkan sebanyak RM466,000.00 bagi Projek Pendawaian Semula Keseluruhan Pasar berkenaan bagi tahun 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

11. Nyatakan status terkini dan perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan projek Pan Island Link 1.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.18/2023 pada 9 Jun 2023 telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan lebuh raya *Pan Island Link 1* (PIL1) dan perancangan bagi pelaksanaan projek PIL1 ini adalah bergantung kepada sekiranya terdapat jaminan peruntukan ini sama ada daripada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana peruntukan lain.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

12. Nyatakan perancangan dan tindakan segera untuk mengurangkan kesesakan jalan di Persiaran Gurney akibat daripada ketibaan pengunjung yang ramai di Gurney Bay.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Projek Gurney Bay Fasa 1 telah dibuka untuk kunjungan orang awam bermula pada 4 Februari 2024 dan merupakan tarikan tempat rekreasi terbaharu di kawasan pulau, Pulau Pinang. Gurney Bay menerima kunjungan orang awam yang ramai setiap hari terutamanya pada cuti hujung minggu. Kehadiran jumlah pengunjung yang tinggi ini menyebabkan berlakunya kesesakan di Gurney Bay dan kawasan sekitarnya terutamanya pada waktu puncak kerana tempat letak kenderaan (TLK) yang disediakan tidak mencukupi kepada pengunjung. Perancangan dan tindakan segera secara berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi mengurangkan kesesakan di kawasan Gurney Bay dan sekitarnya iaitu seperti berikut:
- (a) Membina TLK bertingkat yang boleh menampung sebanyak 736 buah kereta untuk pembinaan Projek Gurney Bay Fasa 2. Projek TLK tambahan ini akan dipercepat bagi membolehkan ia digunakan oleh pengunjung dengan segera;
  - (b) Sistem *Penang Smart Parking* (PSP) telah diperkenalkan bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan panduan navigasi ke kawasan TLK terdekat yang masih kosong. Sistem ini akan memudahkan pencarian parkir dan memendekkan masa untuk mencari parkir kosong. Secara tidak langsung

dapat mengurangi kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh pengguna yang mencari parkir secara manual tanpa bantuan sistem navigasi PSP;

- (c) Pelaksanaan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasaan MBPP; dan
- (d) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas serta membuat pemantauan secara berkala di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

13. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu penurunan kadar kelahiran di kalangan warga negeri.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri menyokong usaha Kerajaan Persekutuan dalam penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari dan penambahan cuti paterniti daripada (3) tiga hari kepada (7) tujuh hari. Selain itu, pemberian waktu kerja anjal dan kemudahan Bekerja Dari Rumah (BDR) juga memainkan peranan dalam memberi keyakinan kepada wanita bekerja untuk melahirkan anak.

Bagi mengatasi masalah kesuburan, kerajaan juga telah memperkenalkan rawatan subfertiliti atau kesuburan di klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di seluruh negara. LPPKN juga melaksanakan tiga (3) inisiatif khusus kepada golongan lelaki seperti berikut:

- (a) Rawatan di klinik subfertiliti LPPKN;
- (b) Perkhidmatan di klinik kesejahteraan lelaki; dan
- (c) Program advokasi dan promosi.

Sebagai tanda menyokong para ibu bapa bekerja, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja yang membantu mengurangkan bebanan ibu bapa dalam penjagaan anak-anak. TASKA D'KOMTAR 1.0 dan 2.0 yang dikhususkan kepada penjawat awam yang bekerja di bangunan

KOMTAR merupakan antara usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kadar kelahiran di Pulau Pinang.

Selain itu, inisiatif wang penghargaan Anak Emas sebanyak RM200.00 juga diberikan kepada setiap anak yang baru dilahirkan kepada ibu atau bapa yang merupakan pengundi Pulau Pinang di bawah program i-Sejahtera.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

14. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil tanaman dalam negeri.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan hasil tanaman dalam negeri seperti berikut:

- (i) Memberi fokus kepada usaha untuk memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan melalui peruntukan pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA). Penekanan diberikan kepada usaha peningkatan pengeluaran beras, buah-buahan, sayur-sayuran bagi mencapai tahap sara diri yang disasarkan;
- (ii) Meningkatkan pematuhan kepada piawaian-piawaian kualiti dan keselamatan makanan yang ditetapkan supaya produk pertanian yang dikeluarkan selamat dimakan dan berkualiti seperti Amalan Pertanian Baik (APB), Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic);
- (iii) Memperkukuhkan kerjasama antara jabatan, agensi serta institusi pendidikan dan penyelidikan berkaitan pertanian di negeri Pulau Pinang untuk memperkasakan pertanian moden dan penyelidikan ke atas peningkatan proses penanaman, pengeluaran, peningkatan hasil dan pemasaran sumber makanan;

- (iv) Memantapkan bekalan makanan lestari di kesemua Taman Pengeluaran Kekal Makanan (TKPM) di negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta; dan
- (v) Membuka kawasan baru iaitu Tanah Berpotensi (tanah milik kerajaan) misalnya tanah di Mengkuang Bainun seluas 99.01 hektar yang melibatkan seramai 15 orang peserta.

Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) 2021-2025 telah menggariskan inisiatif bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli melalui pelbagai program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (*self sufficient level*) yang disasarkan. Antara perancangan jangka panjang yang akan diberi tumpuan adalah:

- (i) Usaha meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;
- (ii) Meningkatkan akses kepada makanan;
- (iii) Menstabilkan harga makanan; dan
- (iv) Menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.

Selain itu, pihak DOA juga memberi penekanan kepada dasar jaminan bekalan makanan di mana peranan pihak Jabatan ini memastikan keperluan makanan negara mencukupi dan mencapai tahap sara diri yang optima bagi setiap tanaman makanan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

15. Nyatakan perancangan untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan dan udang dalam negeri.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOA) menjalankan beberapa program untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan dan udang di negeri Pulau Pinang seperti berikut:
- (i) Program pelepasan benih ikan dan udang ke perairan umum (sungai atau laut) di mana pada tahun 2023 sebanyak 215,000 ekor benih ikan dan udang air tawar telah dilepaskan ke dalam Sungai Muda dan Sungai Prai;
  - (ii) Projek pembinaan dan melabuhkan tukun tiruan di mana pada tahun 2008 hingga 2020, sebanyak 187 unit tukun tiruan pelbagai saiz dan bentuk dengan berat antara 400 kilogram hingga 32 tan metrik seunit telah dilabuhkan di sekitar Pulau Kendi iaitu satu-satunya kawasan yang dikenal pasti oleh Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) sebagai kawasan yang sesuai untuk dilabuhkan tukun tiruan. Tukun tiruan yang dilabuhkan ini terdiri daripada beberapa jenis iaitu Tukun Rekreasi, Tukun Dasar Lembang, Tukun Dasar Lembang Penghalang Pukat Tunda, Tukun Penghalang Pukat Tunda dan Tukun Tiruan Dasar Lembang Penghalang Pukat Tunda;
  - (iii) Menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Syarikat Silicon Island Development (SID) dalam proses melaksanakan projek pembinaan dan melabuhkan

tukun tiruan di kawasan barat daya Pulau Pinang yang bertumpu di kawasan Pulau Kendi bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian sumber perikanan negara. Tukun-tukun ini dipercayai akan memberi habitat baharu kepada spesies ikan yang bernilai tinggi bagi menjamin keterjaminan makanan di Pulau Pinang; dan

- (iv) Membina unjam untuk memastikan sumber perikanan terus terpelihara dan meningkatkan hasil tangkapan kepada nelayan seperti perincian berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Bilangan Unjam</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2020	Changkat	40	19,900.00
2021	Teluk Kumbar	30	15,000.00
2022	myKP Changkat (kelong)	56	65,000.00
	Chenaam	54	
<b>JUMLAH</b>		<b>180</b>	<b>99,900.00</b>



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

16. Nyatakan berapakah unit atau usahawan akuakultur yang aktif di perairan Pulau Pinang.
- (a) Berapakah hasil tahunan akuakultur (dalam nilai Ringgit Malaysia) negeri Pulau Pinang dari tahun 2019 sehingga 2023, berbanding dengan negeri-negeri lain?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Bilangan penternak akuakultur yang aktif di perairan negeri Pulau Pinang adalah seramai 393 orang dengan perincian mengikut daerah seperti berikut:

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PENTERNAK</b>
Seberang Perai Selatan (SPS)	216
Seberang Perai Tengah (SPT)	15
Seberang Perai Utara (SPU)	104
Barat Daya (DBD)	16
Timur Laut (DTL)	42
<b>JUMLAH</b>	<b>393</b>

- (a) Negeri Pulau Pinang menjadi negeri ketiga selepas negeri Sabah dan negeri Perak bagi pengeluaran akuakultur di Malaysia manakala turut berada di kedudukan kedua selepas negeri Sabah bagi pengeluaran akuakultur marin. Hasil tahunan pengeluaran akuakultur di negeri Pulau Pinang dari tahun 2019 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>HASIL TAHUNAN (RM)</b>
2019	698,432,558.69
2020	641,705,635.11
2021	562,544,538.54
2022	658,481,203.25
2023	1,011,600,922.16
<b>JUMLAH</b>	<b>3,572,764,857.75</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

17. Apakah hasil kaji selidik yang dijalankan mengenai potensi hidrokarbon di perairan Pulau Pinang (Lembangan Langkasuka)?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Pada 15 November 2023, PETRONAS telah mengumumkan telah menjalankan satu tinjauan seismik 2D multi-klien baru di kawasan utara Selat Melaka untuk mengeksplorasi dan memetakan potensi hidrokarbon di blok terbuka PM320 dan PM321 Cekungan Langkasuka.

Hasil tinjauan ini akan meningkatkan ketersediaan data seismik yang lebih besar dan komprehensif. Tinjauan seismik yang sedang berlangsung ini bermula pada bulan Oktober 2023 dan dijadualkan akan selesai pada akhir Disember 2023 manakala proses menganalisa data-data dijangka selesai pada Jun 2024.

Walau bagaimanapun, sehingga kini sesi perbincangan Kerajaan Negeri bersama pihak PETRONAS belum dapat diadakan atas faktor permohonan pihak PETRONAS untuk melengkapkan proses menganalisa data terlebih dahulu.